

## KPDNHEP serah 37 notis kepada kedai gunting rambut

2020-06-17T16:32:22+08:00

oleh Vivi Olviana Najurus



**PERIKSA:** Pegawai KPDNHEP semasa menjalankan pemeriksaan di premis gunting rambut sekitar sini.

**KOTA KINABALU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah menyerahkan 37 Notis Pengesahan Maklumat Barangan dan Perkhidmatan kepada kedai gunting rambut di negeri ini.

Pengarahnya Georgie Abas berkata, tindakan itu dilaksanakan berikutan kerajaan membenarkan sektor ekonomi bagi perkhidmatan gunting dan pendandan rambut beroperasi mulai 10 Jun lalu dengan tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

“Setakat ini kita membuat pemeriksaan terhadap premis kedai gunting dan pendandan rambut bermula 10 Jun lalu bagi memastikan tidak ada peniaga yang mengambil kesempatan kepada pengguna.

“Sebanyak 68 premis membabitkan perkhidmatan gunting rambut lelaki, gunting rambut wanita, gunting rambut kanak-kanak dan cuci rambut diserahkan 37 Notis Pengesahan Maklumat Barangan dan Perkhidmatan serta 35 Notis bertulis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP),” katanya.

Tambahnya, Notis Pengesahan Maklumat Barangan dan Perkhidmatan serta Notis Bertulis ini dikemukakan secara serentak bagi mendapatkan maklumat caj perkhidmatan dan kos-kos yang terlibat.



**JARAK:** Penjarakan sekurang-kurangnya dua meter antara kerusi di kedai gunting rambut.

“Sekiranya peniaga dengan sengaja menaikkan harga tanpa alasan munasabah dengan niat untuk membuat keuntungan tinggi yang berlebihan dan dikesan melalui Notis Pengesahan Maklumat Barangan, peniaga akan diberikan Notis Amaran iaitu peniaga perlu serta merta menurunkan caj perkhidmatan dalam tempoh lima hari bekerja.

“Kegagalan peniaga mematuhi arahan dalam Notis untuk mengemukakan justifikasi dan penjelasan serta maklumat atau dokumen tertentu mengikut tempoh masa serta cara yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan tindakan tegas akan diambil mengikut AKHAP 2011 dan boleh didenda sehingga RM500,000,” katanya.

Georgie berkata, pihaknya ingin mengingatkan bahawa kadar baharu harga gunting rambut mestilah sejajar dengan kos tambahan yang terpaksa ditanggung oleh pekedai.

“Sebagai contoh, sekiranya proses menggunting rambut hanya melibatkan penggunaan pemakaian apron pakai buang dan sarung tangan pakai buang maka hanya kos barangan yang terlibat ini sahaja yang boleh dicaj kepada pelanggan selain daripada kos asal upah gunting.

“Premis gunting rambut dan kecantikan wajib mempamerkan senarai harga setiap barangan tambahan serta caj servis pemetongan rambut bagi memastikan pelanggan dapat menyemak harga lebih awal dan mengelakkan kekeliruan,” katanya.

SOP bagi perkhidmatan ini termasuklah pemakaian pelitup muka dan apron pakai buang oleh pekerja, pemakaian apron pakai buang bagi setiap pelanggan dan jarak sekurang-kurangnya dua meter antara kerusi tukang gunting serta pengusaha menyediakan apron pakai buang yang berbeza untuk setiap pelanggan dan tidak boleh menggunakan tuala yang dikongsi.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/06/17/kpdnhep-serah-37-notis-kepada-kedai-gunting-rambut>

